

aku perlu mengakui bahawa transaksi dalam akta ini adalah dianggap sebagai kegiatan beroperasi dalam sektor perbankan. Walau bagaimanapun, maklumat di dalam akta ini tidak memberi maklumat mengenai definisi yang jelas mengenai perbankan. Maklumat mengenai perbankan di dalam akta ini dapat dilihat pada ayat 2(1) dan 2(2) ayat pertama. Dalam ayat pertama, maklumat mengenai perbankan adalah maklumat yang berkaitan dengan institusi yang dilaksanakan oleh kerajaan. Maklumat mengenai perbankan dalam ayat kedua adalah maklumat mengenai institusi yang dilaksanakan oleh orang ramai. Maklumat mengenai perbankan dalam ayat ketiga adalah maklumat mengenai institusi yang dilaksanakan oleh orang ramai.

## Akta Pemegang Pajak Gadai 1972: Suatu Analisa Dari Perspektif Islam

Shamsiah Mohamad

Penulis merupakan ahli akademik di Universiti Malaysia Sabah. Beliau merupakan pengajar tetap dan penulis dalam bidang hukum Islam dan hukum perundangan.

### Abstract

*Prior to the promulgation of Pawnbrokers Act 1972, there were several laws relating to pawnbroking activities which had been applicable separately in the Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The 1972 Act repeals all of these laws and henceforth all matters relating to pawnbroking is administered by the Act. This article seeks to analyse some provisions of the Act which are thought not to be Islamically acceptable.*

### Pendahuluan

Transaksi gadaian yang beroperasi di kedai-kedai pajak gadai di Malaysia dikawal oleh satu akta yang dinamakan Akta Pemegang Pajakgadai 1972. Akta ini menggantikan pelbagai bentuk perundangan yang diamalkan di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang berkaitan dengan pajak gadai.<sup>1</sup> Penulisan ini bertujuan untuk menganalisa Akta tersebut dari sudut kacamata Islam terutama dengan merujuk kepada mana-mana seksyen yang mempunyai pertentangan dengan Syariat Islam. Penganalisaan terhadap kekurangan dan kelemahan Akta tersebut dengan demikian tidak akan dibincangkan oleh tulisan ini.<sup>2</sup>

### Latar Belakang Akta Pemegang Pajak Gadai 1972

Penggubalan Akta ini bertujuan untuk memperbaiki segala kelemahan yang wujud dalam pelbagai undang-undang pajak gadai yang diterimapakai di Malaysia sebelumnya. Penggubalan Akta ini merupakan satu langkah untuk menyelaras kesemua undang-undang berkenaan. Ini bermakna, selepas Akta ini dikuatkuasakan pada 2.1.1973, semua kegiatan pajak gadai sama ada di Semenanjung Malaysia atau di Sabah dan Sarawak tertakluk kepada Akta tersebut.

Mengikut Akta ini, hanya mereka yang diberi lesen sahaja yang dibenarkan untuk membuka kedai pajak gadai.<sup>3</sup> Pengeluaran lesen yang dibuat secara tender akan dikendalikan oleh pegawai-pegawai pelesen di pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Dato' Bandar bagi Wilayah Persekutuan.<sup>4</sup>

Jumlah pinjaman yang boleh diberikan oleh pemegang pajak gadai tidak boleh melebihi RM5,000. Jika pinjaman tersebut melebihi RM5,000, individu berkenaan perlu mengambil lesen peminjam wang.<sup>5</sup>

Akta ini membolehkan pemegang pajak gadai mengenakan faedah ke atas setiap pinjaman wang yang diberikan. Kadar faedah yang dibenarkan ialah tidak melebihi 2% sebulan.<sup>6</sup>

Setiap penggadai dikehendaki menebus semula barang gadaian dalam tempoh 6 bulan bermula daripada tarikh penggadaian dibuat.<sup>7</sup> Walau bagaimanapun tempoh tersebut boleh dilanjutkan atas permintaan penggadai tetapi tidak boleh melebihi tiga bulan.<sup>8</sup>

Akta ini juga telah memberikan kebenaran kepada pemegang gadai untuk memiliki barang gadaian yang tidak ditebus dalam tempoh berkenaan sekiranya pinjaman tersebut tidak melebihi RM 100.<sup>9</sup> Walau bagaimanapun, pemegang gadai mesti melelong barang gadaian yang tidak ditebus sekiranya pinjaman tersebut melebihi RM100.<sup>10</sup> Sekiranya terdapat lebihan hasil lelongan tersebut setelah ditolak jumlah hutang atau pinjaman berkaitan, ia perlu dikembalikan semula kepada penggadai.<sup>11</sup>

Selain daripada peruntukan-peruntukan di atas, Akta ini juga memperturunkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi mencegah berlakunya tindakan yang menyalahi undang-undang seperti menggadai barang kepunyaan orang lain.<sup>12</sup> Selain daripada itu, Akta ini juga mengandungi peruntukan tentang perbicaraan terhadap kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan pajak gadai dan langkah-langkah yang perlu diikuti oleh pihak yang terbabit.<sup>13</sup>

### Beberapa Pertentangan Akta Pemegang pajak Gadai 1972 Dengan Syariat Islam

Secara keseluruhannya kebanyakan peruntukan-peruntukan dalam Akta Pemegang Pajakgadai 1972 tidak menyalahi Syariat Islam, kecuali beberapa peruntukan di sebelah:

- (1) Seksyen 17 Akta tersebut telah memperturunkan bahawa:

*“Seseorang pemegang lesen boleh mengambil keuntungan atas sesuatu pinjaman yang diberi atas sesuatu sandaran sebagai pajak gadai dengan cara bunga dan caj mengikut apa-apa kadar yang ditetapkan dengan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini, dan tidak boleh meminta atau mengambil apa-apa keuntungan yang lebih daripada kadar yang ditetapkan itu, dan tidak boleh meminta atau mengambil apa-apa jua wang berkenaan sesuatu pajak gadai yang lain daripada keuntungan itu.”*

Walaupun Seksyen 17 ini tidak mewajibkan pemegang gadai mengambil keuntungan ke atas setiap pinjaman, tetapi kebenaran yang diberi sudah lari daripada prinsip Fiqh Islam yang mahukan setiap jalan ke arah kerosakan ditutup dan dihalang. Prinsip tersebut ialah “*sadd al-dhari'a*.<sup>14</sup>

Berdasarkan kepada prinsip tersebut, dapatlah difahami bahawa segala jalan yang boleh membawa kepada kemudaratan mestilah ditutup dan dihalang. Memandangkan seksyen di atas telah membuka jalan ke arah berleluasnya riba, maka dapatlah dikatakan di sini bahawa seksyen tersebut telah menyalahi Syariat Islam yang tidak menghalalkan sama sekali amalan riba diamalkan.

Dalam bahasa Arab, perkataan riba diertikan sebagai meningkat, bertambah, mengembang dan pertambahan.<sup>15</sup> Walau bagaimanapun, tidak semua perkara yang meningkat atau bertambah diharapkan dalam Islam. Mengikut Islam, lebihan yang diharapkan ialah lebihan kepada wang pokok yang mesti dibayar balik oleh peminjam kepada pemberi pinjam sebagaimana yang telah disyaratkan berdasarkan tempoh bayaran balik (*riba al-nasi'ah*) atau lebihan yang berlaku dalam kontrak jual beli barang ribawi yang sama jenis tetapi wujud perbezaan dari segi kuantiti dan kualitinya (*riba al-fadl*).<sup>16</sup>

Daripada penjelasan di atas, dapatlah disimpulkan di sini bahawa riba yang berlaku dalam kontrak gadaian ialah *riba al-nasi'ah*. Ini kerana gadaian hanya berlaku apabila adanya hutang atau pinjaman wang yang tertangguh bayarannya. Oleh kerana kontrak gadaian ini berkait rapat dengan soal pinjaman atau hutang, maka dapatlah dikatakan di sini bahawa segala lebihan yang disyaratkan ke atas pinjaman berkaitan berdasarkan tempoh tertentu disifatkan sebagai riba.

Sehubungan dengan persoalan hutang atau pinjaman wang, Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan bahawa setiap hutang yang mendatangkan keuntungan dikira riba. Hal ini dinyatakan dalam hadis<sup>17</sup> yang maksudnya:

*“Daripada Fadalah ibn ‘Ubayd, sahabat Nabi s.a.w. bahawa baginda bersabda: Setiap hutang yang mendatangkan keuntungan, maka ia adalah satu bentuk daripada bentuk-bentuk riba.”*

(Diriwayatkan oleh al-Bayhaqi)

Keuntungan atau lebihan yang dikira riba seperti yang dimaksudkan dalam

hadith di atas ialah yang disyaratkan oleh pemberi hutang dan bukannya yang diberi secara sukarela oleh peminjam wang.<sup>18</sup> Walaupun hadith di atas adalah *mauquf*<sup>19</sup> tetapi maksud yang terkandung di dalamnya selari dengan kehendak Syariat Islam yang sememangnya mengharamkan setiap pinjaman yang mendatangkan keuntungan kepada pemberi pinjam.<sup>20</sup> Mungkin kerana inilah agaknya al-Syawkani tetap berhujjah dengan hadith tersebut bagi membuktikan haramnya setiap keuntungan yang disyaratkan dalam pinjaman wang.<sup>21</sup>

Islam mengharamkan riba kerana ia boleh membawa banyak kemudaratuan sama ada kepada ekonomi, sosial ataupun akhlak masyarakat.<sup>22</sup> Lantaran itulah, Allah secara tegas telah melarang amalan riba diamalkan dalam firman-Nya yang bermaksud:

*“Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia, maka ia tidak sekali-kali akan berkembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda.”*

(al-Rum (30):39)

Firman Allah lagi maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya.”*

(Ali Imran (3):130)

Ayat-ayat al-Quran di atas secara jelas menerangkan tentang larangan Allah berhubung dengan pengambilan dan penerimaan riba sebagaimana yang berlaku di zaman jahiliah dahulu. Orang-orang Arab jahiliah biasanya meminjamkan sejumlah wang kepada seseorang sehingga tempoh tertentu dan menerima daripada orang yang berhutang sejumlah wang yang telah ditetapkan untuk setiap bulan.<sup>23</sup>

Untuk menjelaskan betapa besarnya dosa memakan riba, Allah telah menggambarkan balasan azab siksa yang akan diterima oleh pemakan riba dalam firman-Nya yang bermaksud:

*“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhoyong hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: Bahawa sesungguhnya berjual beli*

*itu sama sahaja seperti riba. Padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba.”*

(al-Baqarah (2):275)

Pengharaman riba juga dapat difahami daripada hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Antaranya yang bermaksud:

*“Daripada Jabir r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Allah mengutuk seseorang yang memakan riba, yang membayarnya, yang menulis kontrak dan yang menjadi saksi.”*

(Diriwayatkan oleh Muslim)

(2) Selain daripada seksyen 17, seksyen 23(1)(a) juga didapati bertentangan dengan Syariat Islam. Seksyen tersebut menyebut:

*“Jika sesuatu sandaran tidak ditebus sebelum tamat enam bulan dari tarikh dipajak gadai, atau sesuatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang mungkin telah dipersetujui di antara seseorang pemegang lesen dengan pemajak gadai, atau sebagaimana yang dikehendaki mengikut seksyen 19, maka sandaran itu jika dipajak gadai untuk wang berjumlah tidak lebih daripada satu ratus ringgit hendaklah menjadi harta pemegang lesen itu.”*

Peruntukan di atas juga secara jelas membolehkan pemegang gadai untuk menjadikan barang gadaian sebagai miliknya apabila penggadai gagal menebusnya dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kebenaran ini diberikan dengan syarat pinjaman yang diberi kepada penggadai tidak lebih daripada seratus ringgit.

Perbuatan pemegang gadai mengambil barang gadaian yang gagal ditebus dalam tempoh yang ditetapkan jelas sekali bertentangan dengan Syariat Islam. Ini kerana, Islam telah menetapkan bahawa pemegang gadai tidak boleh sama sekali menjadikan barang gadaian yang tidak ditebus sebagai miliknya. Hal ini dijelaskan oleh hadis berikut yang bermaksud:<sup>24</sup>

*“Daripada Abu Hurairah r. a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Barang gadaian tidak akan hilang (daripada pemiliknya). Segala keuntungan menjadi miliknya dan segala kerugian ditanggung olehnya.”*

(Diriwayatkan oleh al-Daraqutni)<sup>25</sup>

Dalam Subul al-Salam, al-San’ani<sup>26</sup> menjelaskan bahawa hadith di atas

membawa maksud pemegang gadaian tidak berhak memiliki barang gadaian apabila penggadai gagal menebusnya.

Dalam Islam, setiap barang yang gagal ditebus dalam tempoh yang telah ditetapkan hendaklah dijual. Wang yang diperolehi daripada jualan tersebut digunakan untuk membayar jumlah hutang yang telah diambil oleh penggadai. Sekiranya masih ada baki selepas pembayaran hutang tersebut, pemegang gadai mesti mengembalikan wang tersebut kepada penggadai.

Islam amat melarang perbuatan menjadikan barang gadaian yang gagal ditebus sebagai milik pemegang gadai kerana perbuatan tersebut termasuk dalam kategori mengambil harta orang lain secara salah. Sehubungan dengan hal ini Allah berfirman yang maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan (guna-kan) harta-harta sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi, dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.”*

(al- Nisa' (4):29)

Dalam ayat di atas, Allah melarang perbuatan mengambil dan memakan harta orang lain secara salah sama ada dengan jalan penipuan, rompakan atau sebagainya.<sup>27</sup> Seseorang itu hanya akan mendapat hak milik terhadap sesuatu harta misalnya apabila telah berlakunya proses jual beli yang berlandaskan kerelaan.

Firman Allah lagi yang maksudnya:

*“Dan janganlah kamu makan (mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan janganlah pula kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat dosa), padahal kamu mengetahui (salahnya).”*

(al-Baqarah (2):188)

### Kesimpulan

Daripadauraian dan analisa di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa hanya terdapat dua seksyen sahaja dalam Akta Pemegang Pajakgadaı 1972 yang bertentangan dengan Syariat Islam.

Yang pertama ialah seksyen 17. Ini kerana seksyen ini telah memberi laluan kepada pemegang gadai untuk mengaut keuntungan daripada pinjaman yang diberi. Kebenaran ini lari dari prinsip Islam yang mahukan setiap jalan yang menghala ke arah kerosakan ditutup atau dimusnah. Malah kebenaran tersebut samalah seperti

menggalakkan amalan riba yang sememangnya dilarang keras dalam Islam.

Yang keduanya ialah seksyen 23(a) yang membenarkan pemegang gadai untuk memiliki barang gadaian yang tidak ditebus sekiranya pinjaman tersebut tidak melebihi RM 100. Sedangkan dalam Islam, setiap barang yang gagal ditebus hendaklah dijual. Hasil jualan tersebut digunakan untuk menjelaskan hutang berkenaan. Sekiranya ada baki hendaklah dikembalikan kepada penggadai.

#### Nota Hujung

1. Sebelum penggubalan Akta Pemegang Pajakgadai 1972, amalan pajak gadai di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dikawal oleh undang-undang pajak gadai yang dikhususkan untuk negeri-negeri berkenaan. Undang-undang tersebut ialah *Pawnbrokers Enactment F.M.S. Cap. 85*, *Pawnbrokers Ordinance S.S. Cap. 216*, *Pawnbrokers Ordinance Sabah, Cap. 94*, *Pawnbrokers Ordinance Sarawak, Cap. 115*, *Pawnbrokers Enactment Johore, No. 36*, *Pawnbrokers Enactment Kedah, No. 71*, *Pawnbrokers Enactment Perlis, No. 5 of 1935*, *Pawnbrokers Enactment Terengganu, No. 42 of 1356* dan *Pawnbroking Farm Enacment Kelantan, No. 8 of 1910*. Lihat Akta Pemegang Pajak Gadai 1972, s. 47.
2. Untuk keterangan lanjut tentang kelemahan dan kekurangan Akta Pemegang Pajak gadai 1972, sila lihat Haji Muhammad Nasir Yusuf, "Undang-undang dan Peraturan Pajak gadai Menurut Akta Pajak gadai (1972): Satu Kritikan", di *Seminar. Kebangsaan Pajak gadai Islam (al-Rahn)*, pada 13 November 1993.
3. Akta Pemegang Pajak Gadai 1972, s.7.
4. Cawangan Urusetia Perundangan, "Hak-hak dan Tanggungjawab Seseorang Penggadai", *Jurnal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*, Bil. 1, 1984, h. 12.
5. Akta Pemegang Pajak gadai 1972, s. 3(1)(a) dan (b); Lihat juga Mohd Hamdan Haji Adnan, "Pajak Gadai: Pandangan Pengguna", di *Consultation Workshop on Pawnbrokers Transactions* pada 18 Disember 1993, h. 1.
6. Akta Pemegang Pajak Gadai 1972, s. 17; Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Pindaan) 1982, Perkara 12.
7. *Ibid*, s.18.
8. *Ibid*, s. 19.
9. *Ibid*, s. 23(1)(a).
10. *Ibid*, s. 23(1)(b).
11. *Ibid*, s. 25.
12. *Ibid*, ss. 28-34.
13. *Ibid*, ss. 35-42.
14. 'Ali Hasaba Allah, *Usul al-Tasyri' al-Islami*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, (t.t.), hh. 319ff.
15. Lihat Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, Kaherah: (t.t.), j. 3, al-Zabidi, *Taj al-'Arus*, Damsyik: Matba'ah Alif Ba' al-Adib, 1965, j. 10.
16. Lihat: al-Jaziri, *Kitab al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*, Beirut: Dar al-Fikr, (t.t.), j. 3, h. 245; al-Dardir, *al-Syarh al-Saghir*, Dawlah al-Imarat al-Sa'udiyyah al-Muttahidah,

- 1989, j. 3, h. 47; al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Damsyik: Dar al-Fikr, 1989, j. 4, hh. 668-669; Ziaul Haque, "The Nature of Riba al-Nasi'ah and Riba al-Fadl", *Islamic Studies*, No. 4, 1982, j. 21, h. 20.
17. Al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Beirut: Dar al-Fikr, (t.t.), h. 350.
  18. Al-San'ani, *Subul al-Salam*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1960, j. 3, h. 872.
  19. Hadith *mauquf* ialah yang *isnadnya* sampai kepada sahabat sahaja.
  20. Lihat Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Riyad: Maktabah al-Riyad al-Hadithah, 1981, j. 4, h. 354; al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, Mesir: Matba'ah al-Halabi, 1967, j. 4, h. 230; al-Dusuqi, *Hasyiah al-Dusuqi ala al-Syarh al-Kabir*, Mesir: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, (t.t.), j. 3, h. 225; al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1978, j. 13, h. 35.
  21. Al-Syawkani, *Nayl al-Awtar*, Mesir: Matba'ah al-Halabi, (t.t.), j. 5, h. 262.
  22. Untuk keterangan lanjut tentang kemudarat yang timbul daripada amalan riba, sila lihat al-Mawdudi, *al-Riba*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1984, h. 79 dan seterusnya; al-Maudoodi, *The Meaning of The Quran, Lahore: Islamic Publications Limited*, 1988, j. 2, h. 62 dan seterusnya; Mustafa Hj. Daud, *Pemikiran Politik dan Ekonomi al-Maududi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, h. 103 dan seterusnya.
  23. Lihat al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, Tehran: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, (t.t.), j. 8, h. 9; al-Kiya al-Harrasi, *Ahkam al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1985, j. 1, h. 232.
  24. Muslim, *Sahih Muslim*, Beirut: Dar al-Fikr, 1981, j. 11, h. 26; lihat juga Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Beirut: Maktabah al-'Ilmiyyah, (t.t.), j. 2, h. 764.
  25. Al-Daraqutni, *Sunan al-Daraqutni*, Kaherah: Dar al-Mahasin, 1966, j. 3, h. 32.
  26. Al-San'ani, *op.cit.*, h. 36.
  27. Lihat al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Mesir: Dar al-Katib al-'Arabi, 1967, j. 2, h. 34.